

SULIT
1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
November
2021
2½ jam

1223/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan kepelbagaian bangsa dalam Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud perkataan yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** keutamaan takwa dalam kehidupan sebagai seorang muslim. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah saling mengenali dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa. [4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ! وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشُّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّحَرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ. (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang dosa-dosa besar.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud sihir. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan sihir terhadap masyarakat. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

- (c) Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul yang disediakan dalam jadual di bawah.

Harus wakaf pada salah satu tempat	Wakaf lebih utama	Harus wakaf atau wasal
	Digalakkan wakaf	Wasal lebih utama

- (i) لَا بَأْسَ بِهِمَا _____
- (ii) إِلَّا إِلَهُهُ _____
- (iii) أَلَلَّهِ _____
- (iv) لَا رَيْبَ فِيهِ _____

[4 markah]

SULIT

- 2 (a) Iman merupakan anugerah Allah SWT yang bernilai kepada setiap muslim.
- (i) Nyatakan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari sudut Uluhiyyah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** syarat yang menyebabkan terbatal iman seseorang. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman. [4 markah]
- (b) Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- (i) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadah. [2 markah]
 - (ii) Terdapat cadangan supaya solat Jumaat dilaksanakan pada hari Sabtu. Pada pandangan anda, mengapakah perkara ini boleh berlaku dalam masyarakat. [4 markah]
- (c) Keimanan kepada sifat al-Syahid Allah SWT akan menjadikan seorang hamba sentiasa berwaspada dalam setiap perkara.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan sifat al-Syahid? [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 markah]

3 (a) Umat Islam yang berkemampuan disunatkan untuk melakukan ibadah korban dan akikah.

(i) Nyatakan **dua** binatang ternakan (al-An'am) yang disyariatkan korban. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** perkara sunat korban. [2 markah]

(iii) Terangkan hikmah disunatkan akikah terhadap bayi yang baru lahir. [2 markah]

(iv) Terangkan **dua** perbezaan antara akikah dan korban. [4 markah]

(b) Qisas merupakan salah satu daripada hukuman jenayah dalam Islam.

(i) Apakah maksud qisas? [2 markah]

(ii) Jelaskan hukuman bagi jenayah qisas di bawah:

(a) Pembunuhan

(b) Perbuatan yang membawa kepada kecederaan

[4 markah]

Pelaksanaan hukuman jenayah dalam Islam mampu mengurangkan kes-kes jenayah dalam masyarakat dan negara.

(iii) Kemukakan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

SULIT

- 4 (a) Kerajaan Uthmaniah telah menguasai sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika.

- (i) Nyatakan **dua** nama pemerintah Kerajaan Uthmaniah yang terkenal. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniah dari aspek pentadbiran. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh anda perolehi daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniah. [4 markah]


**Remaja Cemerlang
Negara Terbilang**

- (iv) Berdasarkan pernyataan di atas, cadangkan persiapan anda untuk menjadi pemimpin yang berjasa kepada negara. [4 markah]

- (b) Imam Syafie RA adalah tokoh ulama yang unggul.

- (i) Nyatakan nama penuh dan gelaran Imam Syafie RA. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** hasil karya Imam Syafie RA. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **empat** keperibadian Imam Syafie RA. [4 markah]

- 5 (a) Kehidupan hamba di dunia ini perlu menggabungkan sifat di antara khauf dan raja'.
- (i) Apakah maksud khauf? [2 markah]
 - (ii) Terangkan konsep khauf dan raja' yang seimbang. [2 markah]
- (b) Istiqamah merupakan jalan menuju mujahadah.
- (i) Jelaskan **dua** cara memiliki sifat istiqamah. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud sifat mazmumah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua contoh bagi setiap sifat mazmumah di bawah:
- (a) Riyak
 - (b) Ujub
- [4 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya sifat tersebut tidak dibendung dalam kalangan pelajar. [4 markah]